



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs




23.5.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

KADAR AIR DOMESTIK PULAU PINANG ADALAH RASIONAL DAN MUNASABAH



- Kadar domestik kedua terendah di Malaysia untuk 35 m³ pertama sebulan (77.3% daripada pengguna domestik Pulau Pinang menggunakan sehingga 35 m³ atau kurang sebulan).
- Semakan kadar air domestik terakhir adalah pada tahun 2015. Kos pengeluaran air telah meningkat sebanyak 30%.

PULAU PINANG, Khamis, 23.5.2024: Purata kadar air domestik Pulau Pinang adalah yang kedua terendah untuk penggunaan air domestik sehingga 35 m³ (35,000L) sebulan. Majoriti (77.3%) pengguna domestik Pulau Pinang menggunakan 35 m³ atau kurang sebulan.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



Sejak 30.1.2024, kadar air baharu telah dikawal oleh Kerajaan Persekutuan bagi 11 negeri di Semenanjung Malaysia dan 3 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Kadar air adalah lebih tinggi di seluruh Malaysia, dan bukan sahaja di Pulau Pinang.

Berikut adalah rasional utama untuk kadar air Pulau Pinang 2024:

1. Kadar air domestik Pulau Pinang kali terakhir disemak pada 2015. Dalam tempoh dari 2015 hingga 2023, kos pengeluaran dan pembekalan air terawat kepada pengguna di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 30%.
2. Kos elektrik PBAPP untuk mengepam air di seluruh negeri telah meningkat dengan ketara. Sejak pelaksanaan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) TNB pada 2023, bil elektrik PBAPP telah meningkat sebanyak 22.3%.
3. Dalam tempoh 9 tahun dari 2015 hingga 2023, jumlah subsidi air PBAPP untuk penggunaan air domestik di Pulau Pinang berjumlah RM834.74 juta. Tahap subsidi ini tidak lagi mampan.
4. Terdapat 593,255 pengguna domestik di Pulau Pinang, di mana 77.3% daripadanya menggunakan 35 m^3 atau kurang sebulan. Kos untuk menghasilkan dan membekalkan 1m^3 air terawat adalah lebih tinggi daripada kadar purata domestik RM0.86 per m^3 untuk penggunaan sehingga 35 m^3 sebulan.

Jadi, pada 2024, PBAPP masih memberi subsidi kepada penggunaan air domestik untuk manfaat majoriti rakyat Pulau Pinang, walaupun pada tahap yang lebih rendah dan boleh diterima.

5. Penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang ialah 284 liter/kapita/hari (LKH) pada 2023, berbanding purata nasional sebanyak 237 LKH pada 2022. Statistik penggunaan domestik per kapita Singapura untuk 2023 ialah 141 LKH.

Data menunjukkan bahawa purata pengguna domestik Pulau Pinang menggunakan lebih banyak air di rumah daripada purata pengguna Malaysia; dan lebih banyak air daripada purata pengguna Singapura. Oleh itu, mereka yang ingin membayar kurang untuk bil air isi rumah Pulau Pinang mereka mempunyai pilihan untuk menggunakan air yang kurang.

6. Singapura diakui sebagai salah satu negara Asia yang terkemuka dalam bidang pengurusan bekalan air yang mampan.

Kadar air domestik Singapura juga telah meningkat baru-baru ini.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



Sejak 1.4.2024, *Public Utility Board* (PUB) telah mengenakan SGD2.94 per m³ (RM11.29 per m³) untuk 40m³ pertama sebulan. Tahun depan, mulai 1.4.2025, kadar ini akan meningkat lagi kepada SGD3.24 per m³ (RM13.73 per m³).

Salah satu sebab bagi semakan kadar air di Semenanjung Malaysia ialah operator bekalan air awam (seperti PBAPP di Pulau Pinang) menanggung kos yang lebih tinggi untuk membekalkan air 24/7.

Namun begitu, purata bil air domestik isi rumah di Pulau Pinang secara relatifnya masih lebih rendah daripada bil elektrik, bahan api, penyambungan Internet dan perkhidmatan telefon mudah alih.

PBAPP ialah anak syarikat utama PBA Holdings Bhd (PBAHB) yang tersenarai di Bursa Malaysia. Kami juga merupakan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (GLC Negeri) yang menyokong pencapaian visi “Penang2030”.

PBAPP memberi khidmat kepada Pulau Pinang sebagai sebuah syarikat yang berdaya maju dari segi kewangan yang tidak 100% dipacu keuntungan.

Ini adalah salah satu sebab mengapa kadar purata air Pulau Pinang bagi 35m³ pertama penggunaan air domestik sebulan adalah yang kedua terendah di Malaysia pada 2024.

Untuk lebih banyak tip penjimatan air domestik, sila layari www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Email : syarifah@pba.com.my